

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH
TAHUN 2024**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) Tahun 2024 bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) telah selesai dilaksanakan pada 7 Januari 2025. Seramai **4,886 orang** MBPK dari **841 buah sekolah** di seluruh negara telah menamatkan persekolahan bagi sesi akademik 2024/2025 dan layak menerima Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM).

SASM Tahun 2024 bagi MBPK akan dikeluarkan pada **26 Februari 2025 (Rabu)** dan boleh diperoleh dari sekolah masing-masing **mulai pukul 10.00 pagi**.

KPM sentiasa komited untuk terus memastikan ekuiti dan kesamarataan pendidikan terjamin untuk semua murid seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. SASM adalah cerminan agenda pendidikan manusiawi KPM yang memastikan akses pendidikan yang terbaik untuk semua murid dan tiada siapa yang terpinggir.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
19 FEBRUARI 2025**